

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
(KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST bagi tahun 2016 dan sasaran kutipan bagi tahun 2017.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion. Bagi tahun 2017 pula, Kerajaan telah mengunjurkan kutipan GST sebanyak RM40 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN : 294**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah hasil laporan siasatan tragedi nahas bas ekspres di Muar yang telah meragut 14 nyawa dan 16 lagi cedera dan apakah langkah bagi mengelak berulangnya tragedi pengangkutan awam ini.**

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengangkutan melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah menjalankan siasatan ke atas kerosakan bas dan kawasan kemalangan bas ekspress yang berlaku di KM 137.1, Lebuhraya Utara – Selatan (arah utara) berhampiran Pagoh pada sekitar jam 3.30 pagi, 24 Disember 2016 yang merupakan insiden serius yang telah mengakibatkan 14 kematian dan 16 cedera.

Hasil daripada siasatan yang dijalankan, didapati bahawa punca kemalangan adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut :

- i. Bas tersebut telah dipandu melebihi had laju yang dibenarkan bagi kenderaan berat di atas lebuh raya iaitu 90 km/j;
- ii. Faktor kelesuan (*fatigue*) kepada pemandu disebabkan oleh waktu bekerja yang panjang dan waktu rehat yang tidak mencukupi; dan
- iii. Keadaan jalan dan persekitaran yang tidak selamat serta tidak dapat membantu dalam mengelak daripada berlakunya kemalangan maut.

Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah dicadangkan melalui hasil siasatan tersebut adalah seperti berikut :

- i. pemasangan dan penambahbaikan infrastruktur jalan bagi mengatasi kejadian kenderaan terbabas di kawasan yang berisiko tinggi;
- ii. Pelaksanaan *Speed Management Strategy* sepanjang lebuh raya di Malaysia contohnya melalui pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sebagai *traffic calming device* di kawasan kerap berlaku kemalangan;
- iii. Penguatkuasaan kepada pematuhan *United Nations Regulation* (R) 66 dan R80 bagi semua bas baharu kerana penemuan penyiasatan kemalangan ini mendapati berlaku ketidakpatuhan peraturan tersebut oleh *coachbuilder*;
- iv. Tempoh sah laku maksimum 5 tahun bagi kelulusan kenderaan baharu perlu ditetapkan di bawah proses *Vehicle Type Approval* (VTA) bagi memastikan kenderaan baharu akan tertakluk kepada keperluan peraturan keselamatan yang baharu; dan
- v. Penaksiran praktis operasi keselamatan menggunakan penarafan *Safety Star Grading* (SSG) bagi semua syarikat operator bas hendaklah diwajibkan sebagai syarat mandatori bagi proses permohonan permit kepada semua syarikat operator bas.

**SOALAN (295)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH [ KUBANG KERIAN ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos Projek Landasan Kereta  
Api Pantai Timur (ECRL) dan bilakah ia akan mula dilaksanakan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *East Coast Rail Link (ECRL)* merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Semasa lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) pada Oktober 2016, beberapa perkara telah dibincangkan bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral berterusan dengan Kerajaan China. Dalam rundingan itu, kedua-dua Kerajaan telah mencapai kata sepakat supaya projek ECRL ini dilaksanakan sebagai inisiatif projek *Government-to-Government (G2G)* antara Kerajaan China dan Malaysia.

Selain itu dan mustahak untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan China turut mengemukakan tawaran pakej kewangan yang

menarik dan memberi kelebihan kepada Malaysia. Bagi membolehkan Malaysia mendapat terma kewangan yang terbaik ini, dalam rundingan G2G berkenaan, syarikat pembinaan terbesar milik Negara China iaitu China Communications Construction Company (CCCC) telah dinominasi oleh Kerajaan negara China untuk melaksanakan projek ECRL.

Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL akan secara sepenuhnya dikawal oleh Malaysia. Bagi projek ini, syarikat khusus yang dipertanggungjawabkan ke atas pembangunan projek iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd yang telah ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD) yang mana 100% adalah milik kerajaan. Kementerian Kewangan melalui Malaysia Rail Link Sdn Bhd akan memperhalusi syarat-syarat perjanjian projek dan perjanjian pembiayaan.

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan telus dan terbuka mengenai pelaksanaan projek yang melibatkan kepentingan awam. Melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) berkaitan projek ECRL ini telah dilancarkan pada 8 Mac 2017 oleh YAB Perdana Menteri. Sesi ini akan mempamerkan pertamanya, cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu ke Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak yang

mempunyai 23 stesen di sepanjang landasan. Kedua, lokasi stesen pertukaran dengan landasan kereta api sedia ada di Semenanjung Malaysia dan ketiganya, lain-lain ciri projek ECRL.

Selain daripada ibu pejabat SPAD, sesi Pemeriksaan Awam akan turut diadakan di 38 lokasi yang boleh dikunjungi orang ramai, termasuk Pejabat-pejabat Daerah di Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Pasir Putih, Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Kemaman, Dungun, Kuantan, Maran, Temerloh dan Bentong mulai 8 Mac 2017 sehingga 5 Jun 2017.

Pameran ini merupakan keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, yang menyatakan bahawa satu forum maklum balas awam perlu diadakan bagi setiap projek rel yang dicadangkan. Pameran ini juga bertujuan bagi memaklumkan kepada orang ramai mengenai manfaat sosio-ekonomi projek ECRL kepada negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017